

**KERJASAMA SARAWAK DAN
KALIMANTAN DALAM MENGHADAPI
ANCAMAN KOMUNIS, 1963-1974**
*(COOPERATION BETWEEN SARAWAK AND
KALIMANTAN TO OVERCOME THE COMMUNIST
THREAT, 1963-1974)*

Emyzul Ismail* & Arba'iyah Mohd Noor

*First author

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

Kuala Lumpur, Malaysia

(emyzul1975@gmail.com; arbaiyah@um.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.22452/brj.vol13no1.2>

Extended Abstract

Background: Sarawak, located in Malaysia and Kalimantan, in Indonesia are two twin regions of Borneo Island that depend on many aspects including political, economic, social and security. The position of the two border areas is crucial to keep an eye on in avoiding any issues that can give a significant impact on the socio-economic wellbeing. This statement provides a clear message that security aspects must be the government's main agenda in maintaining peace and prosperity. However, in the face of unprecedented security developments in either Sarawak or Kalimantan from 1963 to 1974, leaders from both regions saw the need for the synergy in restoring Sarawak's security due to communist threats to both areas. In ensuring this, Sarawak and Kalimantan believe that diplomatic relations need to be strengthened to facilitate cooperation and assistance when needed. To accomplish this purpose, this paper will describe the military collaboration between Sarawak and Kalimantan from 1963 to 1974. This period was chosen in view of the communist threat in both areas.

Communist ideology does not conform to the beliefs and lifestyles practised by Muslims around the world. In the context of Islamic teachings, this communist ideology is far from creed and should be rejected altogether because it claims that the Prophet Muhammad was nothing more than a fairy tale created in the eighth century by the command of an Arab Caliph. Regarding the Qur'an, the communists described its contents as a collection of religious clauses, divisions,

divisions and mixed laws. The Quran was later amended and supplemented gradually until the beginning of the eighth century and became what it is today. The Communist Encyclopedia notes that the Quran has been used by classes of Arab oppressors and reactionary Islamic religious figures as a weapon to deceive and suppress freedom fighters. It is clear here that the communists have attacked Islam by manipulating crucial facts about Islam, especially when it comes to matters of faith. Communists believe that the success of creating confusion concerning the above would benefit their cause in the spread of the ideology among the Malay Muslims in order to gain support. Unfortunately, the identity and thickness of the creed have made this tactic unsuccessful in attracting the majority of Muslims in Sarawak and Kalimantan in particular. This threatened was said to have persisted into the highlands of Borneo which threatens the socio-economic development of both areas. This alarming situation eventually led to the agreement of the Malaysian and Indonesian authorities to work together to eradicate communist elements.

Through discussions that were later translated into military cooperation, the communist threat in either Sarawak or Kalimantan was extinguished in 1974 despite the remaining communist remnants of ideology and continued their struggle in small groups. One of the factors that led to this threat was the desire of Sarawak's communist leaders and Indonesian supreme commanders to establish a communist government in both areas. An alarming situation arises when President Sukarno is said to be influenced by this ideology and threatens the peace and development of Sarawak's economy as a neighbour to Borneo. This paper analyses the role played by the Sarawak government in collaboration with the federal and Indonesian government to end communist violence in Sarawak and undermine the influence of the Indonesian Communist Party (PKI). The Sarawak government led by Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub took the initiative to eradicate communist threats to ensure the socio-economic development of the state and its neighbouring country, Borneo in Indonesia. Organisational changes and government restructuring had been an advantage to Sukarno in which it further strengthened his position as the supreme leader of the Indonesian National Armed Forces. PKI, on the other hand, gained strategic benefits since its causes and functions could be achieved via military training, weaponry supports and logistic. Sukarno had somehow supported PKI causes which led the Indonesian National Armed Forces to be sheerly concerned and kept monitoring the influence and growth of PKI. At the same time, President Suharto's U-turn policy saved the situation when he ordered the communist movement in Borneo to be buried. President Suharto's decision is indeed correct in maintaining the peace of both areas. In addition, various efforts have been made by both sides

to stabilise the country's security, whether through military cooperation, psychology or through various consultations in this paper.

Methodology: This research has a qualitative method and uses libraries and archive resources as a reference source. To further analyse the writing of this paper, this study also uses primary sources such as the Dewan Rakyat Official Statement.

Results: The results show that military cooperation between Sarawak and Borneo has successfully curbed communist influence and power in both areas. This was evident when the 1974 Sri Aman Agreement between communist representatives and the state government in Sarawak was signed while President Suharto's policy succeeded in clearing those who supported the communists.

Conclusion: The expose of this paper is expected to be an eye-opener for the younger generation to build political maturity to resolve the communist threat and restore peace as military cooperation between the two countries, Sarawak in Malaysia and Kalimantan in Indonesia. History in the face of these communist threats serves as a useful guide for any country's leaders to be smarter and rationale before making any important decision. The expose of this paper is expected to be an eye-opener for the younger generation to build political maturity to resolve the communist threat and restore peace as military cooperation between the two countries, Sarawak in Malaysia and Kalimantan in Indonesia. History in the face of these communist threats serves as a useful guide for any country's leaders to be smarter and rationale before making any critical decision.

Keywords: Sarawak, Kalimantan, communist, cooperation, role

Abstrak

Sarawak di Malaysia dan Kalimantan di Indonesia adalah dua kawasan kembar di Pulau Borneo yang saling bergantung dalam pelbagai aspek. Perkembangan politik sekitar tahun 1963 hingga 1974 menyaksikan perlunya kerjasama dalam memulihkan keselamatan Sarawak disebabkan oleh ancaman komunis di antara kedua-dua kawasan tersebut. Ancaman ini amat membimbangkan memandangkan kesan negatifnya terhadap perkembangan ekonomi di samping ideologinya yang bertentangan dengan akidah orang Islam dan kepercayaan masyarakat lain terhadap agama masing-masing sekiranya komunis berjaya dalam perjuangan mereka. Walau bagaimanapun, Sarawak dan Kalimantan tidak mempunyai rekod penuh mengenai kerjasama antara kedua-dua kawasan untuk mengatasi ancaman komunis. Kelompongan ini telah memberi ruang kepada penulisan makalah ini bagi memberikan informasi yang lebih jelas berhubung

penulisan ini. Bagi memastikan kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh, makalah ini akan memfokuskan skop masa kajian mengenai kerjasama dan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua pihak dari tahun 1963 hingga 1974. Bagi menyokong data-data yang dikemukakan, makalah ini menggunakan sumber perpustakaan dan sumber arkib sebagai sumber rujukan. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya ancaman ini adalah keinginan pemimpin komunis Sarawak dan komander tertinggi Indonesia untuk mewujudkan kerajaan komunis di kedua-dua kawasan. Hal ini sejajar dengan gelombang kebangkitan dan keghairahan negara berideologikan komunis untuk menguasai kerajaan di negara-negara Asia. China, negara pendokong ideologi komunis, telah memberikan inspirasi dan semangat kepada para pejuang komunis ini.

Kata kunci: Sarawak, Kalimantan, komunis, kerjasama, peranan

Pendahuluan

Situasi politik merupakan pancaran kepada sistem keselamatan sesebuah negara. Kebijaksanaan pemimpin dalam menuangkan corak kepimpinan dalam pentadbiran negara menggambarkan kepentingan aspek ini untuk membawa kepada kekuatannya. Tegasnya, politik dan keselamatan mempunyai kaitan yang rapat. Sistem politik, terutamanya bagi negara-negara Asia yang kebanyakannya dikategorikan sebagai negara yang sedang membangun, dibentuk untuk keselamatan dan kelangsungan hidup (*survival*) negara tersebut. Bebas dari segala ancaman adalah keutamaan dalam memastikan keselamatan negara masing-masing (Sity Daud, 2005, hlm. 1). Oleh yang demikian, aspek politik menjadi menjadi aspek pertama yang akan dibincangkan berhubung peranan kerajaan dalam menghadapi ancaman komunis. Nada serupa turut diutarakan oleh Mohd. Reduan Haji Asli (1993) iaitu kestabilan politik sangat membantu dalam usaha kerajaan negeri Sarawak membanteras kegiatan dan perkembangan komunis di negeri tersebut.

Kestabilan politik,—kerajaan Sarawak di bawah pimpinan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub telah mengambil inisiatif dengan membawa masuk Sarawak United Peoples' Party (SUPP) untuk menyertai Kerajaan Perikatan di Sarawak yang diketuainya. Hal ini demikian kerana SUPP merupakan parti politik pelbagai kaum tetapi didominasi majoriti ahli dari kaum Cina yang telah diresapi oleh anasir-anasir komunis. Tindakan ini telah berjaya membebaskan parti tersebut daripada cengkaman komunis. Dalam situasi ini SUPP sebenarnya telah diperalat sebagai pertubuhan Barisan Bersatu pihak komunis dalam usaha untuk memantapkan komunis di Sarawak pada ketika itu.

Dalam masa yang sama berlaku pergolakan dalaman dalam isu berkaitan politik di negeri Sarawak yang cuba dimanipulasi oleh komunis untuk mencapai cita-cita mereka. Walau bagaimanapun, Abdul Rahman Ya'kub berjaya meredakan kekecohan politik Sarawak sehingga membolehkan beliau memberi fokus sepenuhnya dalam usaha menangani ancaman komunis di negeri tersebut (Mohd. Reduan Haji Asli, 1993). Usaha secara berseorangan dalam mengatasi masalah ini tidak akan mencapai misi yang dihasratkan kerana kerjasama erat dari Kalimantan selaku negara jiran sangat diperlukan kerana menghadapi ancaman serupa.

Tulisan ini akan hanya melihat jangka masa 1963 sehingga 1974 berdasarkan penyata rasmi kerajaan, tesis, artikel jurnal, buku-buku rujukan, artikel, surat khabar dan temu bual. Tempoh ini diambil memandangkan terdapat ancaman berterusan komunis di Sarawak sehingga menjengah ke Kalimantan yang jelas mengancam pembangunan sosioekonomi Sarawak mahupun Kalimantan. Tulisan ini cuba untuk melihat tindakan dan kerjasama antara kedua-dua belah pihak dalam menanganinya. Tindakan komunis yang semakin agresif sehingga melewati sempadan Kalimantan amatlah membimbangkan dan memerlukan tindakan tegas dan drastik demi kesejahteraan Sarawak dan Kalimantan.

Kajian Literatur

Peranan Sarawak dalam menangani ancaman Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) diprojeksikan dalam penulisan Suhaimi Mokhtar (Suhaimi Mokhtar, 1981, hlm. 15). Menurut Suhaimi Mokhtar, aspek keselamatan adalah halangan utama kerajaan Sarawak dalam melaksanakan pembangunan. Selain itu, menerusi Hiew Lan Foon telah menyaksikan peranan Sarawak berhubung perletakan senjata oleh pengganas komunis termeterai diketuai oleh Bong Kee Chok (Hiew Lan Foon, 2003, hlm. 2). Walau bagaimanapun, beliau hanya membincangkan sejarah pertukaran nama bandar tersebut tetapi mengabaikan kajian berhubung aspek keselamatan.

Mohd Reduan Haji Asli pula mengutarakan latar belakang dan perkembangan komunis di Sarawak dari tahun 1940-1980-an (Mohd. Reduan Haji Asli, 1993). Dalam masa yang sama, penulis turut memaparkan pelbagai usaha pihak berkuasa dalam menangani ancaman tersebut tetapi kurang menonjolkan pembangunan aspek keselamatan sekitar tahun kajian.

Buku Alli Kawi banyak membincangkan usaha Sarawak pada era kajian dalam menangani ancaman pengganas komunis sehinggalah termeterainya Perjanjian Sri Aman pada tahun 1974 (Alli Kawi, 2009, hlm. 2). Beliau disifatkan

begitu gemar membincangkan aspek keselamatan dan perkembangan politik pada era pemerintahan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub (Alli Kawi, 2010, hlm. 2). Aju (2017) turut mengaitkan penulisannya berhubung situasi semasa yang berlaku pada era tersebut. Sikap orang Cina menjadi fokus utama khususnya di Kalimantan memandangkan kebanyakan penganas komunis di Kalimantan mahupun di Sarawak adalah dianggotai oleh etnik ini (Aju, 2017).

Walau bagaimanapun, karya-karya yang dinyatakan di atas tidak menerangkan secara terperinci berhubung kerjasama Sarawak dan Kalimantan dari tahun 1963 sehingga 1974. Oleh itu, perkara yang berkaitan dengan perkembangan dan hasil kerjasama Sarawak-Kalimantan dalam usaha menoktahkan ancaman komunis di kedua-dua kawasan ini telah diterangkan dengan terperinci dalam makalah ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Penulis menggunakan kajian perpustakaan dan arkib bagi mengumpul maklumat untuk penulisan mengenai kerjasama Sarawak dan Kalimantan dalam menghadapi ancaman komunis pada tahun-tahun 1963-1974. Malahan, bagi memperincikan lagi penulisan makalah ini, penulis juga menggunakan sumber primer seperti *Penyata Rasmi Parlimen*.

Komunis Menurut Pandangan Islam

Sebelum meneliti lebih jauh lagi berhubung kerjasama Sarawak dan Kalimantan dalam menghadapi ancaman komunis, pandangan mereka terhadap fahaman komunis sewajarnya ditelusuri. Menurut Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Datuk Sheikh Mohsein Haji Salleh, ajaran komunis mengatakan bahawa ekonomilah yang menentukan adanya sejarah manusia, politik, agama, falsafah, kesenian dan sains. Oleh sebab agama ditentukan oleh ekonomi, maka tuhan sebenarnya 'diadakan' untuk kepentingan ekonomi semata-mata atau lebih mudah tuhan sebenarnya tidak wujud. Manusia pula disifatkan sebagai 'binatang-ekonomi'. Ini bermakna kehormatan seseorang itu dinilai daripada aspek nilai ekonomi (*Dewan Masyarakat*, 1977). Pandangan komunis ini jelas menjatuhkan martabat manusia kerana bertuhankan ekonomi semata-mata dalam menilai seseorang.

Dalam konteks ajaran Islam, pegangan komunis ini ternyata jauh menyimpang daripada akidah dan wajib ditolak sepenuhnya kerana mendakwa Nabi Muhammad itu tidak lebih daripada rekaan-rekaan dongeng yang diciptakan dalam abad kelapan dengan perintah seorang Khalifah Arab. Begitulah pandangan komunis mengenai Nabi Muhammad, agama Islam dan Al-Quran

sebagaimana yang dilaporkan dalam *Bolshevia Sovietkove Encyclopedia*, iaitu ensiklopedia rasmi komunis (*Dewan Masyarakat*, 1977). Mengenai Al-Quran, komunis menyifatkan kandungannya adalah satu himpunan fasal keagamaan, kepuak-puakan, kedongengan dan undang-undang yang bercampur-baur. Al-Quran kemudiannya dipinda dan ditambah sedikit demi sedikit sehingga permulaan abad kelapan barulah menjadi seperti yang terdapat pada hari ini.

Penolakan komunis terhadap agama jelas dicitrakan dalam ensiklopedia rasmi komunis yang turut mencatatkan bahawa Al-Quran telah digunakan oleh kelas-kelas penindas Arab dan tokoh-tokoh agama Islam yang reaksioner sebagai senjata untuk menipu dan menekan pejuang-pejuang kebebasan (*Dewan Masyarakat*, 1977). Sudah terang lagi bersuluh di sini bahawa ternyata pihak komunis telah menyerang agama Islam dengan memanipulasikan fakta-fakta yang sangat penting berkenaan Islam apatah lagi apabila membabitkan soal akidah. Pihak komunis percaya bahawa kejayaan mewujudkan kekeliruan berhubung perkara di atas akan memberikan faedah kepada perjuangan mereka dalam usaha menyebarkan fahaman ini dalam kalangan orang Melayu yang beragama Islam demi meraih sokongan. Malangnya, jati diri dan ketebalan akidah telah menjadikan taktik ini gagal menambat hati majoriti umat Islam di Sarawak dan Kalimantan khususnya.

Analisis

Tahap Perkembangan Komunis Di Sarawak-Kalimantan

Peranan Indonesia memang tidak boleh dikesampingkan dalam menyertai gerakan menghapuskan komunis di Sarawak sekitar 1963 sehingga 1974. Kejayaan-kejayaan awal Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU), juga dikenali sebagai *Sarawak Communist Organisation* (SCO) atau *Clandestine Communist Organisation* (CCO) dalam menyemarakkan semangat ahli dalam mencapai matlamat mereka untuk membentuk negara Kalimantan Utara tidak dapat tidak memalitkan sekali Indonesia dalam kancah konflik ini (Aju, 2017).

Dalam konteks perjuangan komunis di Sarawak, penglibatan Indonesia dalam hal ini boleh dibahagikan kepada dua tahap, iaitu tahap pertama berbentuk sokongan moral dan bantuan latihan ketenteraan kepada komunis semasa era Sukarno. Manakala tahap kedua pula menyaksikan polisi pusingan U pada era Suharto, iaitu perubahan polisi daripada memberikan latihan ketenteraan kepada menentang dan menghapuskan semua anasir komunis di Indonesia. Perlantikan Presiden Suharto pada 1 Julai 1966 menyaksikan presiden yang berideologikan liberal kapitalis tajaan Amerika Syarikat ini telah menarik balik kekuatan ketenteraan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di Brunei dan Pasukan

Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) yang sebelum ini mendukung Parti Komunis Sarawak (Aju, 2017).

Tahap Pertama: Zaman Sukarno

Tahap pertama menyaksikan perubahan struktur organisasi serta pengubahsuaian jawatan di Indonesia. Perubahan ini telah memberikan kelebihan kepada kedudukan Presiden Indonesia, Sukarno dengan kedudukannya sebagai Panglima Tertinggi Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI). Parti Komunis Indonesia (PKI) pula mendapat manfaat penting kerana fungsi dan matlamat perjuangan mereka dapat diperkembangkan melalui latihan ketenteraan dan bantuan senjata serta logistik (Muhamad Effendi Mustaffa, 1996). Sesungguhnya Sukarno memberi sokongan kepada PKI tetapi dalam masa yang sama ABRI amat bimbang dan sentiasa mengawasi perkembangan dan pengaruh PKI yang semakin berkembang pada masa tersebut (Mohd. Noor Abdullah, 1979).

Perlu ditegaskan di sini bahawa Indonesia pada mulanya bersikap amat positif dengan cadangan Tunku Abdul Rahman berhubung penubuhan Malaysia pada bulan Mei 1961. Hal ini boleh dibuktikan menerusi surat Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio kepada *New York Times* pada 13 November 1961 yang secara jelas menyokong cadangan ini: "On the contrary, we wish the Malayan Government well if it can succeed with this plan" (Mohd. Noor Abdullah, 1979). Secara moralnya, Indonesia telah menerima cadangan penubuhan Malaysia. Hal ini telah memberi semangat kepada Tunku Abdul Rahman untuk memastikan cadangan murni ini menjadi realiti. Tidak cukup dengan itu, tujuh hari selepas membuat kenyataan yang menggembirakan pemimpin kerajaan Tanah Melayu tersebut, Indonesia sekali lagi mengukuhkan pendirian positif mereka dengan membuat kenyataan "...we had no objection to such a merger, based upon the will for freedom of the peoples concern" semasa Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Mohd. Noor Abdullah, 1979). Bukankah pernyataan di atas begitu jelas memperlihatkan sikap positif Indonesia berhubung penubuhan Malaysia?

Walau bagaimanapun, kenyataan Dr. Subandrio yang amat positif tersebut ternyata tidak bertahan lama apabila Sukarno bertindak menghampakan Tunku Abdul Rahman dengan membuat pendirian begitu kontra dengan pendirian asal. Dengan perkataan lain, cadangan pembentukan Malaysia telah ditentang. Apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963, Sukarno telah mengambil beberapa tindakan konfrontasi. Kepemimpinan Sukarno yang jelas dipengaruhi fahaman komunis yang didalangi PKI dilihat amat mendominasi keputusan beliau. Rentetan daripada pendirian jelik tersebut, maka pada akhir bulan Disember 1961, Jawatankuasa Pusat PKI telah mengeluarkan ketetapan bahawa

penubuhan Malaysia adalah satu penjajahan cara baharu di Asia Tenggara, iaitu neokolonialisme: "The Indonesian people will certainly support the righteous, patriotic and just resistance of the people of Malaya, Singapore, Sarawak, Brunei and North Borneo against the efforts for the establishment of this Federation of Malaysia." Mereka juga membuat tuduhan bahawa negara-negara Southeast Asia Treaty Organisation (SEATO) akan memeralatkan Malaysia untuk mengancam Indonesia (Mohd. Noor Abdullah, 1979).

Dalam pada itu, beberapa penulis Indonesia melihat Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan, Ketua Menteri Sarawak pada ketika itu menghadapi tekanan bukan sahaja daripada Inggeris tetapi juga tekanan pemimpin pusat yang menghendakibeliau menyuarakan sokongan berhubung persetujuan bergabung membentuk Malaysia. Dalam hal ini, pembacaan Deklarasi oleh Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan pada 4 September 1963 didakwa lebih cepat 10 hari daripada perancangan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu PBB), U Thant yang dijadualkan untuk mengumumkannya pada 14 September 1963. Kenyataan Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan yang lebih cenderung untuk memperoleh kemerdekaan Sarawak ini telah menyebabkan reaksi negatif Presiden Indonesia, Sukarno. Menurut Aju, "Presiden Soekarno marah, karena tipu-daya dan kelicikan Inggris dengan memeralat Stephen Kalong Ningkan, berlangsung kasat-mata di depan Tim PBB" (Aju, 2017, hlm. 174)

Sukarno mengeluarkan amaran lagi bahawa pembentukan Malaysia tidak akan mampu menjadi negara jiran yang baik dan berkesan dan Indonesia tidak akan gentar sama sekali. Beliau kemudiannya menuduh pembentukan Persekutuan Malaysia adalah konsep nasionalis untuk mempertahankan kepentingannya untuk mengeksploitasi kekayaan bangsa Kalimantan Utara (Aju, 2017). Rakyat Malaysia mungkin tertanya-tanya berhubung kesungguhan Sukarno menentang penubuhan Malaysia. Apakah alasan yang mendorong beliau begitu beria-ia sehingga melancarkan Kempen Ganyang Malaysia? Hasil pertemuan Sukarno dengan delegasi mahasiswa yang berasal dari Kalimantan, beliau menunjukkan reaksi positif atas permintaan delegasi tersebut agar mengambil langkah serius bagi membantu rakyat di Kalimantan Utara, iaitu merujuk kepada Sarawak, Sabah dan Brunei. Sukarno sangat positif dengan permintaan tersebut kerana menganggap rakyat di Kalimantan Utara adalah bangsa serumpun, senasib dan sepenanggungan (Aju, 2017).

Sebenarnya, Sukarno melihat operasi Ganyang Malaysia bukanlah bererti Indonesia memusuhi rakyat Melayu di Malaysia. Sebaliknya, perjuangan Sukarno lebih terarah untuk mengganyang Inggeris yang pada pandangan beliau akan menjadikan Malaysia sebagai boneka mereka. Malah, percaya bahawa konsep neokolonialis akan menjadikan Malaysia kekal terjajah turut menjadi faktor

penyumbang kepada penentangan ini. Ketidakstabilan Sabah ekoran persengketaan Filipina dan Inggeris menguatkan lagi hujah Sukarno. Beliau menyatakan bahawa bangsa Indonesia berkewajipan untuk menyelamatkan kawasan berhampiran wilayah Indonesia, ibarat menyelamatkan perkarangan rumah sendiri. Hal ini demikian kerana Indonesia akan mendapat ancaman di sepanjang sempadannya apabila Sarawak dan Sabah mengalami pergolakan di bahagian utara Provinsi Kalimantan Barat (Aju, 2017). Alasan-alasan tersebut ternyata menyerlahkan keseriusan Sukarno menidakkan penguasaan berpanjangan kuasa penjajah Inggeris.

Selain itu, ancaman dan tentangan Indonesia terhadap cadangan penubuhan Malaysia semakin agresif apabila pemberontakan di Brunei pada akhir tahun 1962 dilancarkan. Tindakan Brunei membakar semangat Indonesia untuk meneruskan misi penentangan. Dr. Subandrio dalam satu sidang akhbar di rumahnya telah mengisytiharkan secara rasmi konfrontasi tersebut pada 11 Februari 1963. Walau bagaimanapun, Sukarno menafikan faktor dipengaruhi komunis untuk menentang gagasan Malaysia. Namun, sebaliknya Sukarno mendakwa Malaysia mewakili kuasa-kuasa neo kolonialis malah pembentukan Malaysia hanyalah untuk menyelamatkan getah, timah dan minyak demi kantung poket penjajah (Mohd. Noor Abdullah, 1979).

Tidak dapat dinafikan bahawa Tunku Abdul Rahman telah berusaha melakukan pelbagai usaha untuk berbaik-baik namun Sukarno tetap dengan kempen "Ganyang Malaysia" beliau. Menurut beliau lagi, sokongan padu rakyat dan rakan-rakan dari negara Komanwel seperti Britain, Australia dan New Zealand telah berjaya menghalang Sukarno dari membuat serangan besar-besaran. Konfrontasi menjadi semakin lemah apabila penyeludupan orang-orang Indonesia ke Malaysia Timur berjaya dikalahkan dengan cepat, cekap dan berkesan. Sukarno digulingkan setelah tentera Indonesia mematahkan komunis di situ (Tunku Abdul Rahman Putra, tiada tarikh).

Tahap Kedua: Polisi Pusingan-U Suharto

Tahap kedua pula memperlihatkan polisi pusingan-U Indonesia. Taat dan akur dengan arahan Suharto, Panglima Komando Tempur IV/Mandau Brigadier Jeneral Tentera Nasional Indonesia (TNI) Wijono Soejono memerintahkan kepada TNKU dan gerila dari PGRS di Kalimantan Barat agar segera meletakkan senjata dan menyerah diri ke pos TNI dan Polisi Republik Indonesia (Polri) terdekat. Namun, arahan ini tidak dipatuhi sepenuhnya kerana tidak semua anggota TNKU dan PGRS yang menyerah diri. Maklumat yang diperoleh menunjukkan hanya 99 orang daripada 838 anggota TNKU dan PGRS yang menyerah diri manakala 739 orang menentang. Kebanyakan yang menentang adalah dalam kalangan anggota

PGRS manakala selebihnya adalah sukarelawan Indonesia. Sebanyak 538 pucuk senjata yang terdiri daripada bren, stengun, senapang dan pistol tidak dikembalikan (Aju, 2017).

Pada tahun 1962, TNI telah mengadakan operasi ketenteraan untuk menumpaskan PGRS dan Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU). Perlu ditegaskan di sini bahawa kerjasama Sarawak-Kalimantan dalam menghadapi ancaman komunis hanya berlaku sebaik sahaja Suharto mengambil alih jawatan sebagai Presiden Indonesia daripada Sukarno. TNKU yang sebenarnya berselindung di sebalik nama TNI pada zaman Sukarno turut berperanan melatih sukarelawan dalam kalangan rakyat Sarawak untuk bertempur melawan tentera Malaysia dalam melemahkan kerajaan jajahan Inggeris di Sarawak. Kejatuhan Sukarno kemudiannya menyebabkan perubahan nama TNKU menjadi PGRS dan PARAKU. Kedua-dua pasukan inilah yang menjadi buruan tentera Malaysia dan TNI setelah sepakat mengadakan kerjasama untuk menumpaskan komunis (Aju, 2017).

Seperti yang dinyatakan dalam satu artikel berita yang diterbitkan dalam Merdeka.com, "Namun yang paling ironis adalah pasukan TNI harus menumpas para gerilyawan yang dulu sebenarnya mereka ciptakan dan mereka latih. Karena kebijakan politik mereka harus berdiri berhadapan di medan perang" (Teddy Agus & Rahmat Hidayat, 2015). Keputusan Suharto telah menimbulkan ketegangan dan tekanan emosi yang bukan kepalang kepada TNKU dan PGRS sebagaimana petikan di atas. Pasukan bersenjata yang dijanjikan TNKU dalam pertemuan di Sintang pada tahun 1963 untuk membantu PGRS telah dibatalkan. Selain itu, ABRI, iaitu TNI dan Polri diarahkan kembali bertugas di perbatasan Kalimantan Barat dan Kalimantan Utara. Emosi mereka sangat tertekan pada ketika ini kerana mereka tiada pilihan melainkan kembali bertugas untuk memerangi anak murid mereka sendiri, iaitu PGRS yang sebelum ini mereka latih untuk berjuang menentang neokolonialisme pada era konfrontasi Malaysia Indonesia. Situasi sukar ini menyebabkan anggota PGRS dan tentera ABRI (TNI dan Polri) banyak yang menangis tersedu-sedu dan saling berpelukan sebelum berpisah (Aju, 2017). Perubahan politik ini memaksa mereka untuk membunuh anak-anak murid mereka sendiri. Umpama ditelan mati mak diluahkan mati bapa, anggota gerila PGRS pula berasa sangat terseksa kerana perlu memerangi guru-guru mereka yang sangat dihormati (Aju, 2017).

Rentetan daripada perubahan sikap Indonesia daripada menyokong perjuangan komunis kepada situasi sebaliknya, Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub selaku Ketua Menteri Sarawak bersama para pegawainya telah memikirkan strategi terbaik dalam menghadapi Bong Kee Chok selaku Ketua PARAKU. Sebenarnya, terdapat pandangan penulis yang melihat kemunculan

Bong Kee Chok sebagai PGRS/PARAKU hanyalah merupakan manifestasi kekecewaan dan rasa dendamnya terhadap Inggeris ekoran penolakannya sebagai guru Pegawai Negara Sipil (pegawai kerajaan) sebaik sahaja menamatkan persekolahannya di Sekolah Pendidikan Guru (sekolah menengah) Saint Joseph di Kuching (Aju, 2017). Penolakan ini berpunca daripada sikapnya yang anti-imperialisme Inggeris. Tekanan demi tekanan ini akhirnya telah membulatkan nekad Bong Kee Chok mengangkat senjata sebagai jalan terakhir untuk mencapai cita-cita politiknya dengan bantuan ketenteraan dari Indonesia.

Faktor Perkembangan Komunisme di Sarawak dan Kalimantan

Perkembangan ideologi komunis di Sarawak merupakan manifestasi daripada gerakan komunis sedunia. Sebagaimana orang Cina di Kalimantan, orang Cina Sarawak pada masa ini masih mempunyai hubungan budaya, sosial dan politik yang rapat dengan Tanah Besar China. Sukatan pelajaran di sekolah-sekolahnya sahaja memadai untuk membuktikan kebenaran ini kerana masih berorientasikan negara asal mereka. Selain itu, pergerakan komunis di Sarawak juga dibayangi oleh pelarian-pelarian komunis yang melarikan diri akibat diburu oleh Kuomintang pada masa itu. Kesannya, pergerakan ini mula berkembang di Sarawak. Semangat patriotisme dalam kalangan belia Cina Sarawak ekoran kejayaan Mao Zedong menggulingkan nasionalis pimpinan Chiang Kai Shek dan menjadikan China sebagai salah sebuah kuasa besar dunia dijadikan peluang keemasan oleh komunis untuk mempengaruhi golongan ini (Mohd. Reduan Haji Asli, 1993).

Di Kalimantan pula, orang Cina yang telah menetap dan lahir di sana masih tidak bersedia untuk mendaftarkan diri sebagai warganegara. "Mereka berfikir untuk lebih baik tetap menganut *azas jus sanguinis* yang ditetapkan Pemerintah Cina (Aju, 2017) Dengan kata lain, orang Cina Indonesia lebih berminat memperoleh kewarganegaraan China berbanding Indonesia. Bukti paling nyata sebahagian besar orang Cina Indonesia masih berkiblatkan China dalam soal taat setia kepada negara adalah apabila keupayaan Parti Komunis China menundukkan Parti Nasionalis China di China telah menyebabkan orang Cina kelahiran Kalimantan Barat khususnya Singkawang dan Pontianak menolak kewarganegaraan Indonesia (Machrus Affendy, 1995). Sebagaimana di Sarawak, anasir komunis dengan mudah meresapi pemikiran dan perjuangan mereka sehingga menimbulkan ancaman kepada Sarawak dan Kalimantan.

Peranan Sarawak Menangani Ancaman Komunis

Ketua Menteri Sarawak yang pertama, Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan sebaik sahaja tiba daripada menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Menteri di Kuala Lumpur telah bahawa beliau akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana anasir komunis mengeluarkan amaran keras di negeri ini. Beliau menekankan bahawa lebih banyak tangkapan akan dibuat tanpa mengambilkira soal warna kulit walaupun melibatkan darah daging beliau sendiri. Sehubungan dengan itu, lebih ramai askar dan polis akan ditempatkan ke Sarawak dalam usaha mengekalkan keamanan negeri ini. "Roda itu telahpun diputar". Demikianlah kenyataan tegas beliau terhadap pengganas komunis yang sering membuat kekacauan di Sarawak (*Berita Harian*, 1963). Keadaan keselamatan negeri ini akan dapat dikawal walaupun gerila-gerila Indonesia di sempadan Kalimantan kerap melakukan pencerobohan sempadan. Menyedari ancaman ini, Sarawak selalu bersiap sedia memperluas menambah kekuatan tentera Pasukan Malaysia Rangers termasuklah pasukan polis dalam menghadapi sebarang kemungkinan ekoran pencerobohan sempadan ini. Kesemua rundingan berhubung perkara ini telah dimuktamadkan sebaik sahaja Perdana Menteri, Tun Abdul Razak membuat kunjungan ke Sarawak (*Berita Harian*, 1963).

Dalam usaha mengekang kegiatan subversif dan propaganda kosong Indonesia, anggota-anggota Dewan Rakyat dari Sarawak dan Sabah telah menggesa kerajaan persekutuan agar membanyakkan lagi bantuan ekonomi kepada kedua-dua wilayah tersebut. Ahli Dewan Rakyat, Encik Awang Daud Matusin menyuarakan kekecewaan warga Sarawak berhubung peruntukan pembangunan luar bandar Sarawak yang terlalu sedikit sebagaimana yang dicanangkan dalam belanjawan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Beliau menegaskan kesedaran berpolitik yang kian menebal dalam kalangan rakyat Sarawak tidak memadai kerana didapati tidak selari dengan pembangunan sosioekonomi wilayah ini (*Berita Harian*, 1964). Kekesalan ini disuarakan ekoran pembangunan luar bandar di Semenanjung Malaysia tidak seiring dengan Sarawak walhal Sarawak sepatutnya turut merasai nikmat tersebut sejak bersetuju bergabung membentuk Malaysia.

Seiring dengan pandangan di atas, Encik Ling Beng Siew turut menggesa agar kerajaan persekutuan membuka tanah-tanah baharu. Hal ini amatlah wajar dilaksanakan memandangkan kesan positif terhadap kesejahteraan Sarawak dalam jangka masa panjang. Pertamanya, pembukaan tanah-tanah baharu akan menambahkan lagi pendapatan negeri. Keduanya, rakyat Sarawak akan berpeluang untuk mendapat peluang pekerjaan. Hal ini akan menjadikan Sarawak semakin berdaya saing ekoran peningkatan ekonomi dan memperoleh

kemakmuran yang diharapkan. Dalam masa yang sama, kegiatan pengganas komunis di samping propaganda Indonesia yang cuba mempengaruhi penduduk tempatan akan terbantut ekoran tekanan ekonomi yang semakin kurang dalam kalangan rakyat Sarawak. Malah, isu penyusupan orang-orang Indonesia boleh dikurangkan ekoran kejayaan kerajaan mengurangkan kadar pengangguran yang meruncing pada ketika itu (*Berita Harian*, 1964). Paparan ini menjadi saksi penting berhubung kesignifikanan mengekang ancaman komunis demi meningkatkan pembangunan sosioekonomi Sarawak mahupun Kalimantan.

Semasa era pemerintahan Ketua Menteri Sarawak kedua, Dato' Sri Penghulu Tawi Sli turut memperlihat usaha bersungguh-sungguh kerajaan dalam menangani komunis. Beliau menyeru kepada para pengganas komunis agar menyerah diri sebagaimana yang telah ditawarkan oleh kerajaan persekutuan. Walaupun tawaran ini melibatkan majoriti pengganas komunis yang rata-ratanya berbangsa Cina, namun anggota dari kalangan bumiputera tidak terkecuali ekoran keterlibatan mereka dengan TNKU (*Berita Harian*, 1966). Oleh itu, amat wajarlah mereka mengambil peluang ini demi keselamatan mereka sendiri sebelum kerajaan mengambil langkah yang lebih agresif. Tawaran ini jelas menunjukkan keseriusan kerajaan untuk menghentikan ancaman komunis.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail membuat kenyataan bahawa kerajaan bersedia dan mampu menangani ancaman komunis di Sarawak. Keyakinan ini dizahirkan dengan terbitnya Kertas Putih Kerajaan mengenai ancaman komunis di Sarawak. Kerajaan telah berjaya menghidu beberapa ancaman dan rancangan komunis untuk menimbulkan suasana cemas dalam melaksanakan misi mereka di negeri ini. Sebarang bantahan atau tindakan yang jelas tidak menyokong komunis dalam kalangan penduduk ini akan berakhir dengan pembunuhan. Menurut beliau lagi, pengganas komunis melalui Pertubuhan Komunis Sarawak (PKS) berterusterusan mengangkat senjata dalam usaha menimbulkan suasana huru-hara. Kertas Putih tersebut menerangkan lebih separuh daripada 1000 keluarga di beberapa kawasan di daerah Nonok (sekarang dikenali sebagai Asajaya) telah dikuasai oleh komunis sebelum pangkalan tentera mereka berjaya dikesan pemerintah dan dimusnahkan. Satu sistem seperti "perkampungan" yang dikenali sebagai "jawatankuasa kampung" bertindak sebagai jawatankuasa bertindak bagi mengendalikan kegiatan dalam kawasan itu bagi menyokong perjuangan PKS. Dapatan kertas putih turut menggariskan kejayaan sistem ini adalah disebabkan adanya penglibatan penduduk di kawasan tersebut. Lokasi kawasan ini yang terpencil dari jentera perlindungan dan pentadbiran kerajaan dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengganas komunis untuk menjayakan misi

mereka. Banyak juga keterangan yang mendapati masyarakat Iban telah hidup dalam keadaan sedemikian telah dijadikan sasaran PKS (*Berita Harian*, 1972).

Menyedari hakikat bahawa hanya keamanan sahaja yang boleh membawa kemajuan kepada Sarawak, maka Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub selaku Ketua Menteri Sarawak ketiga melihat bahawa satu usaha padu yang melibatkan kerjasama menyeluruh pelbagai pihak perlu dilaksanakan dalam mengatasi ancaman komunis (Mohd. Reduan Haji Asli, 1993). Pada hemat beliau, inilah aspek yang perlu diberi keutamaan dalam masa lima tahun pertama pemerintahan beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak ketiga kerana masalah itu disifatkan paling serius (Suhaimi Mokhtar, 1981, hlm. 15). Sebagaimana ancaman komunis di Semenanjung Malaysia, maka Sarawak turut menghadapi ancaman serupa (Mohd. Reduan Haji Asli, 1993). Beliau kerap kali menegaskan bahawa sekiranya tiada tindakan berkesan dibuat dalam menghapuskan ancaman komunis di Sarawak khususnya, maka pembangunan sosioekonomi tidak akan dapat berjalan lancar (Suhaimi Mokhtar, 1981, hlm. 15). Pasukan keselamatan Sarawak digambarkan sebagaimana berikut:

Pada masa "emergency" di Semenanjung ini dahulu, banyak dari kalangan orang-orang bumiputra di Sarawak telahpun bekerja sebagai "Than trackers" atau "perintis" apakala Pasukan Keselamatan dikehendaki melawan pihak komunis di Sarawak, banyak daripada mereka ini menawarkan diri untuk mempertahankan negara sebagai tentera biasa ataupun sebagai "border scout" dan sebagai anggota RELA. (*Penyata Rasmi Parlimen*, 23 Oktober 1978)

Kenyataan di atas jelas memperlihatkan keyakinan beliau terhadap pengalaman dan kecekapan anggota pasukan keselamatan untuk menghadapi musuh. Walaupun sesetengah tindakan beliau dalam menghadapi isu ini dianggap kurang popular dalam kalangan politikus, namun keyakinan dan ketegasan beliau mengatasi ketidakpercayaan tersebut (temu bual bersama Subky Latif, 28 November 2017). Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub sedar betapa perlunya ancaman komunis dikuburkan demi memastikan perancangannya dalam memajukan sosioekonomi Sarawak menjadi kenyataan. Untuk membuktikan keseriusan kerajaan, dalam dua kejadian berasingan di kawasan gerakan Ngayau Bahagian Ketiga, Sarawak, pasukan keselamatan telah berjaya membunuh tiga orang penganas komunis. Perkara ini telah disahkan sendiri oleh Ketua Menteri. Menurut beliau lagi, kejadian pertama berlaku pada sebelah pagi dengan menyaksikan seorang penganas komunis terbunuh (*Berita Harian*, 1971).

Kejayaan ini jelas menampakkan kesungguhan kerajaan dalam menghapuskan ancaman komunis di Sarawak.

Selain itu, kerajaan negeri melaksanakan sekatan bekalan makanan dalam usaha untuk melemahkan pengganas komunis. Kempen sekatan bekalan makanan di *Rajang Area Security Command (RASCOM)*. Serentak dengan itu, beberapa daerah di bahagian kelima, keenam dan ketujuh turut menyambut baik tindakan tersebut dengan melancarkan kempen yang sama (*The Straits Times*, 1973). Situasi ini sudah pastinya menimbulkan situasi panik dan memberikan kesan psikologi dalam kalangan pengganas komunis. Kesannya sudah tentu membawa kepada terputusnya bekalan makanan termasuklah bekalan ubat-ubatan, senjata dan maklumat. Emosi dan kesihatan malah keadaan anggota komunis yang mengalami kecederaan dan memerlukan rawatan serta ubat-ubatan turut terjejas. Tekanan seperti ini sangat berkesan bagi melemahkan pergerakan komunis kerana keperluan asas mereka telah disekat oleh pemerintah.



Foto 1: Perletakan Senjata Oleh Penganas Komunis Sarawak, 13 Disember 1973
(Sumber: *Dewan Siswa*, 2012).

Tidak cukup dengan itu, kerajaan Sarawak telah membuat tawaran dan gesaan kepada semua pengganas komunis yang berada di hutan supaya menyerah diri. Selaras dengan itu, kira-kira 50,000 helai risalah telah diedarkan di daerah Balai Ringin Bahagian Pertama Sarawak dalam masa beberapa hari. Antara lain dalam risalah tersebut tertera tandatangan ketua menteri Sarawak yang memberikan jaminan keselamatan dan pengampunan kepada pengganas komunis yang menyerah diri. Ho Wen atau Chai Ko Chim adalah antara sembilan bekas gerila yang juga merupakan ketua cawangan yang telah berbuat demikian.

Beliau menyeru agar gerila-gerila Kalimantan Utara supaya 'mengubah sikap' dan menyerah diri (*Berita Harian*, 1973a).

Amaran keras turut dikeluarkan kepada rakyat Sarawak bahawa segala bentuk idea barat yang tidak diingini perlu dipantau dan diambil tindakan supaya tidak menular dan menjadi ancaman kepada negara. Kebimbangan ini dipancarkan dengan kecenderungan golongan intelek yang turut terlibat sebagai pemimpin dalam fahaman komunis walaupun dapatan awal mendapati fahaman ini hanya berkembang mekar dalam kalangan masyarakat miskin. Lebih membimbangkan apabila golongan intelek yang terpengaruh dengan fahaman ini telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka. Buktinya, terdapat dalam kalangan pemimpin pelajar di luar negara yang mengembangkan fahaman komunis dan mengutuk sistem sosial di Malaysia. Hal ini telah didedahkan oleh Pesuruhjaya Malaysia ke New Zealand, Encik Jack de Silva. Beliau menambah lagi bahawa penyakit tersebut telah merebak ke Australia dan Britain. Hal ini dicitrakan dengan kewujudan kumpulan pelajar di Britain yang menggelarkan diri mereka *New Malaysians*. Mereka mengedarkan risalah-risalah yang mengutuk pemimpin dan sistem negara yang bersifat *fascist*. Penyebaran risalah seumpama ini telah membuktikan bahawa para pelajar ini telah menyokong perjuangan komunis (*Berita Harian*, 1975).

Perkaitan Pandangan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub Dengan Keselamatan Sarawak

Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub melihat bahawa pendekatan yang bijak perlu dilakukan untuk mencegah perkembangan fahaman komunis dalam kalangan rakyat. Pandangan beliau diterjemahkan melalui perlaksanaan projek-projek pembangunan kerana meyakini kejayaan projek akan memberi impak besar kepada rakyat. Hal ini demikian kerana apabila wujudnya pembangunan maka akan wujudlah keseimbangan ekonomi sekali gus menyamakan taraf sosial dan politik dalam kalangan rakyat. Untuk tujuan itu, beliau menggesa para pemimpin politik supaya mengambilkira pandangan daripada golongan intelek demi mengelakkan mereka cenderung dengan fahaman komunis sebaliknya menyokong pemerintah (*Berita Harian*, 1975).

Sehubungan dengan itu, usaha memantapkan ekonomi dilaksanakan dengan lebih giat dan terancang. Kejayaan *Sarawak Economic Development Corporation* (SEDC) dan *Sarawak Land Development Board* (SLDB) dengan memeterai perjanjian kerjasama ekonomi dengan syarikat terkemuka Jepun, Toyo Menka Kaisha Ltd. of Japan dilihat sebagai satu usaha keras ke arah mencapai matlamat tersebut. Jurucakap rasmi Menka memberitahu hubungan kerjasama ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan kepada 36 million yen (\$288 juta) dengan

penguasaan 30% saham manakala 70% dikuasai oleh SEDC dan SLDB (*The Straits Times*, 1974). Kerjasama ini menjelaskan kesungguhan kerajaan negeri dalam usaha membina imej yang cukup baik di mata para pelabur asing berhubung kemakmuran Sarawak. Ternyata kerjasama ini turut membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak dan dalam masa yang sama berjaya mengelakkan mereka daripada terpengaruh dengan anasir-anasir subversif oleh penganas komunis. Perkembangan ini terbukti menjadikan penganas komunis seperti cacing kepanasan kerana kerajaan terus berusaha melemahkan semangat anggota komunis dengan apa cara sekalipun.

Sementara itu, kerajaan Sarawak telah menawarkan hadiah antara \$20,000 sehingga serendah \$2,000 untuk memberkas enam orang komunis yang sangat dikehendaki sama ada dalam keadaan hidup ataupun mati. Pemberitahuan kepada rakyat menerusi pengedaran risalah telah menamakan Hung Cho Ting, Anggota Jawatankuasa Pusat Parti Komunis dan Komander Pasukan Rakyat Kalimantan Utara untuk ditangkap secara hidup-hidup dengan hadiah berjumlah \$20,000 atau ganjaran \$16,000 jika ditangkap mati. Kerajaan juga menawarkan masing-masing \$12,000 dan \$10,000 jika berjaya menangkap dua orang timbalannya sama ada hidup ataupun mati. Hadiah wang tunai berupa \$4,000 hingga \$2,500 turut ditawarkan jika tiga orang pemimpin penganas komunis yang lain berjaya ditangkap. Kesungguhan kerajaan untuk menghapuskan komunis sehingga sampai ke akar umbi dibuktikan apabila menawarkan sejumlah \$2000 dan \$3000 kepada mana-mana pemberi maklumat tentang keberadaan dan kegiatan komunis. Risalah tersebut diedarkan dalam bahasa Melayu, Iban dan Cina demi memastikan informasi berharga tersebut sampai ke pengetahuan penganas komunis (*Berita Harian*, 1976). Makluman serius ini sewajarnya amat menggusarkan para pemimpin komunis di samping mewujudkan suasana emosi bercampur baur dalam kalangan penganas komunis lain. Ternyata taktik ini berjaya meranapkan moral dan semangat juang mereka.

Bukti Wujudnya Kerjasama Sarawak-Kalimantan Menangani Ancaman Komunis

Pertukaran tampuk kepimpinan Indonesia daripada Sukarno kepada Suharto jelas memberi kesan yang tidak sedikit kepada pergerakan komunis di Sarawak-Kalimantan. Sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal penulisan, Suharto berperanan besar untuk memastikan ancaman komunis di Sarawak-Kalimantan dihapuskan. Hal ini diakui sendiri oleh Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub dalam kenyataan beliau, "This combined action forced the terrorist into a corner and compelled them to come out of the jungle. I would like to add that this was not merely an internal effort but it also involved full co-operation and joint

operations with the Indonesians on both sides of our common border" (*The Economic Bulletin*, tiada tarikh). Jelas sekali Indonesia telah memberi kerjasama yang sangat baik dalam usaha menghapuskan komunis.

Penyingkiran Sukarno dalam arena kepemimpinan politik Indonesia memberi isyarat jelas bahawa pengaruh PKI telah berkubur yang kemudiannya digantikan dengan kuasa tunggal Angkatan Darat pimpinan Jeneral Suharto. Kejayaan Suharto memegang tampuk kepemimpinan Nombor 1 Indonesia ini menunjukkan intensiti, diikuti oleh kekuatan rakyat. Suharto mengorak langkah sebagai Presiden Indonesia dengan memastikan keamanan dipulihkan. Dalam hal ini, beliau berazam untuk menundukkan pengaruh PKI. Banyak nyawa dengan siri pembunuhan yang mengerikan dilaporkan ekoran tindak balas rakyat terhadap PKI (Muhamad Effendi Mustaffa, 1996).

Dalam membincangkan komunis di Sarawak, isu penglibatan orang Cina sebagai kaum yang mendominasi gerakan komunis sememangnya tidak dapat dielakkan. Ho Hui Ling telah menggariskan penglibatan orang Cina dalam gerakan komunis di negeri ini sebenarnya bermula pada tahun 1920-an. Hal ini didorong oleh pertalian rapat antara orang Cina dengan negara asal mereka, China. Kedatangan mereka ke Sarawak sehingga tahun 1950-an, perasaan patriotisme kecinaan masih menghantui cara berfikir golongan ini sehingga menyebabkan mereka sangat mudah terpengaruh dengan dakwah komunis (Ho Hui Ling, 2017). Hal ini ditambah pula dengan sistem pendidikan Cina yang masih berkiblatkan pendidikan di China sehingga kekal mempengaruhi keputusan orang Cina di Sarawak untuk terus percaya, mudah terpengaruh dan akhirnya berpegang dengan fahaman komunis. Menyedari hakikat ini, komunis melihat orang Cina adalah 'saham' terpenting mereka dalam mencapai matlamat yang mereka harapkan (Ho Hui Ling, 2017).

Sementara itu, dominasi orang Cina di Kalimantan dan kebarangkalian menyertai komunis turut membimbangkan pemerintah. Laporan dari Jakarta menyebut Kepala Staff Angkatan Darat Leftenan Jeneral Haris Nasution telah memaklumkan Parlimen Indonesia berhubung wujudnya gabungan orang Cina sama ada yang bersifat anti komunis mahupun penyokong komunis di beberapa daerah di Kalimantan. Gabungan ini merupakan usaha mereka melatih orang Cina untuk menggunakan senjata api. Lt Jeneral Abdul Haris selaku Menteri Pertahanan pula menguatkan lagi makluman ini dengan membuat laporan sama di parlimen berhubung keselamatan negara tersebut khususnya di Kalimantan (*Berita Harian*, 1969a).

Sebagai mengukuhkan wujudnya ancaman ini, beliau mengemukakan bukti penemuan khemah-khemah oleh tentera Indonesia yang digunakan untuk menjalankan latihan menggunakan senjata api. Lokasi tapak perkhemahan yang

terletak di Kalimantan Barat menguatkan lagi kebimbangan memandangkan kawasan ini majoritinya didiami oleh penduduk berbangsa Cina. Lebih spesifik lagi lokasi penemuan tapak perkhemahan ini dijumpai di Kota Samba, Kalimantan Barat yang lokasinya berhampiran sempadan Sarawak. Penemuan ini dikaitkan dengan PKI yang melibatkan kegiatan-kegiatan subversif asing. Nasution turut menjelaskan bahawa lokasi ini sering menjadi medan pertempuran orang-orang Cina yang pro komunis dan pro-Kuomintang (*Berita Harian*, 1969b). Kebimbangan meletusnya tentangan yang lebih buruk kesan daripada pemberontakan komunis ini telah memberi isyarat jelas akan perlunya kerjasama dengan Malaysia dalam menghapuskan pergerakan penganas komunis ini.

Manakala di Sarawak, satu daripada langkah kerajaan yang berkesan untuk melumpuhkan ancaman PKKU adalah menyekat gerak-geri dan barang-barang keperluan daripada terjatuh ke tangan musuh dengan menguatkuasakan Peraturan-peraturan (Perlu) Pendaftaran Penghuni. Tindakan ini sememangnya amat berkesan kerana tanpa bantuan makanan dan tanpa sokongan moral penganas komunis PKKU akan mengalami tekanan. Akibat tekanan ketenteraan yang semakin meningkat, seramai lebih daripada 60 orang telah pulang ke pangkuan masyarakat dalam Operasi Sri Aman. Perlu dinyatakan di sini bahawa bagi peraturan-peraturan yang dibuat di bawah kuasa-kuasa Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1964, peraturan-peraturan ini terus berkuat kuasa dan telah disahkan oleh Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 (*Penyata Rasmi Parlimen*, 29 Jun 1979).

Selain itu, Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub mendakwa jumlah penganas komunis telah berkurangan sebaik sahaja Perjanjian Sri Aman ditandatangani pada tahun 1974, iaitu daripada 1000 orang kepada lebih kurang 100 orang. Sebaik sahaja memegang tugas sebagai Pengarah Operasi, beliau telah mengarahkan peperangan psikologi dan *civic action* dilaksanakan. Kehadiran beliau dalam operasi ini menyaksikan pembabitan secara langsung kerajaan negeri dalam menangani ancaman komunis. Ternyata taktik ini menampakkan keberkesanan kerana semua anggota komunis terlibat telah diburu sehinggalah mereka keluar dari kawasan hutan. Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan operasi ini bukanlah semata-mata usaha dari dalam negeri sahaja tetapi juga mendapat kerjasama padu melalui operasi bersama tentera Indonesia di sempadan Sarawak-Kalimantan (*The Economic Bulletin*, tiada tarikh).

Ekoran tekanan demi tekanan yang dilaksanakan, pihak komunis semakin terdesak untuk mendapatkan sumber kewangan untuk mendapatkan bekalan makanan. Terdapat bukti yang menunjukkan pihak komunis telah mula menggunakan anggota kongsi gelap untuk merompak bank bagi membiayai

kegiatan-kegiatan mereka, merompak balai polis untuk mendapatkan senjata api bagi kegunaan penganas komunis di samping meneruskan usaha-usaha mereka untuk meretakkan perpaduan dan keharmonian kaum. Selain itu, pihak komunis turut terlibat dalam pengedaran dadah untuk membiayai kegiatan mereka. Komunis dengan sengaja menggunakan dadah untuk melemahkan ketahanan rakyat. Malapetaka ini mestilah dihapuskan dengan tujuan untuk membendung kegiatan-kegiatan kongsi gelap dan pengedaran dadah. Bagi merealisasikan misi ini, maka Ordinan Darurat, Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 13/69 telah dikuatkuasakan (*Penyata Rasmi Parlimen*, 29 Jun 1979).

Merealisasikan keamanan rentetan ketegangan yang diwujudkan oleh penganas komunis bukanlah satu tugas yang mudah. Komunis telah membuat perencanaan sendiri untuk memastikan objektif mereka mendoktrinkan rakyat Sarawak dan Kalimantan dengan ideologi komunis tercapai demi menyambut kelahiran negara komunis baharu di Borneo. Selaras dengan hasrat tersebut, pasukan keselamatan Malaysia meneruskan misi mereka memburu penganas komunis di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti. Dalam Gerakan Kelong Dua, pasukan keselamatan negara berhasil menembak mati Sim Yiu Ping, Ketua Keseluruhan Pertubuhan Gerila Komunis di bahagian tengah Sarawak. Sim yang juga dikenali sebagai Lim Kok Kiong ialah anggota Tentera Rakyat Kalimantan Utara yang telah ditembak mati pada usia 33 tahun di Sarikei. Dia dikatakan telah bergiat aktif dalam kegiatan subversif semenjak tahun 1954 semasa masih bergelar pelajar (*Berita Harian*, 1969c).

Semasa menjadi guru, Sim Yiu Ping telah mempengaruhi para pelajarnya untuk menyertai komunis. Semasa konfrontasi Indonesia-Malaysia, dia telah melarikan diri ke Singkawang di Kalimantan, Indonesia. Pada tahun 1965, dia telah membentuk Pasukan Rakyat Kalimantan Utara untuk bertugas di sempadan Sarawak. Dia kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pemerintah seterusnya sebagai Pemerintah seluruh pasukan gerila komunis di bahagian ketiga dan kemudiannya membentuk pasukan bersenjata di Hulu Rejang. Asas-asas yang direncanakan oleh Sim telah dilumpuhkan serta-merta oleh pasukan keselamatan negara dengan kejayaan Gerakan Kelong Dua ini (*Berita Harian*, 1969c).

Penghapusan Komunis di Sempadan Sarawak-Kalimantan

Hasrat komunis yang membingungkan kerajaan Sarawak dan Kalimantan ini akhirnya memaksa wakil kedua-dua wilayah ini untuk duduk mencari titik noktah perjuangan komunis. Pemimpin kedua-dua wilayah ini bersetuju bahawa penganas-penganas komunis yang berada di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan perlu dihapuskan. Justeru, Panglima Turus Malaysia Timur, Major

General Ungku Nazaruddin telah mencapai persetujuan dengan kerajaan Indonesia bagi mencapai hasrat tersebut dalam lawatannya ke Banjarmasin. Beliau menyatakan bahawa saki baki Pasukan Gerila Rakyat Kalimantan Utara telah diburu dan ditangkap oleh pihak berkuasa. Beliau turut menegaskan bahawa rancangan-rancangan bersifat kemasyarakatan perlu diperhebat untuk menentang subversif komunis yang bercirikan perkauman di kawasan-kawasan luar bandar Sarawak khususnya di sepanjang perbatasan dengan Kalimantan, Indonesia (*Berita Harian*, 1969). Hal ini memandangkan majoriti pegganas komunis didominasi oleh mereka yang berbangsa Cina di samping dianggotai sejumlah kecil orang Iban dan Melayu.

Sebagaimana langkah kerajaan memperkenalkan Rancangan Briggs dan kad pengenalan dalam menangani komunis di Tanah Melayu, kerajaan Indonesia turut melakukan perkara serupa dalam usaha mengekang penularan komunis dalam kalangan orang Cina Indonesia. Demi mencapai hasrat tersebut, Pegawai Pemerintah Tentera Kalimantan Barat, Brigadier Jenderal Sumadi telah menyeru orang Cina Indonesia agar menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kerajaan Indonesia. Seruan ini dibuat bertujuan untuk mempercepatkan lagi proses mendapatkan taraf kerakyatan serta membasmi sikap mengasingkan diri dalam kalangan komuniti tersebut dengan komuniti Indonesia yang lain (*Berita Harian*, 1973b). Usaha ini sangat penting dalam mengukuhkan lagi keselamatan Kalimantan khasnya ekoran penglibatan majoriti orang Cina dalam pergerakan komunis sebagaimana berlakunya di Sarawak. Buktinya, kerajaan Indonesia telah mengarahkan semua orang Cina yang tinggal di sepanjang kawasan sempadan Sarawak supaya berpindah ke kawasan yang berhampiran dengan kawasan Pontianak untuk mengelakkan komuniti ini terpengaruh dengan dakyah komunis (*Berita Harian*, 1973b). Paparan ini membuktikan bahawa wujudnya kesefahaman antara Sarawak dan Kalimantan dalam usaha memerangi pegganas komunis sekaligus mewujudkan keamanan antara kedua-dua wilayah dengan menggunakan modus operandi yang sama.

Kalimantan kali ini bertindak lebih tegas untuk menangani komunis. Membuktikan kenyataan ini, Operasi menumpaskan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak/Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PGRS/PARAKU) dikenali sebagai Peristiwa Mangkok Merah telah dilancarkan. Hal ini dilakukan dengan kekerasan di Kalimantan Barat dengan melakukan pengusiran dan pembunuhan etnik Cina dengan melibatkan kerjasama suku Dayak. Operasi ini berlaku sekitar bulan September sehingga Disember 1967. Perlu ditegaskan di sini bahawa sebaik sahaja Presiden Suharto mengambil alih jawatan Presiden Indonesia daripada Sukarno, beliau telah membenarkan tindakan pengusiran dan pembunuhan orang Cina di Kalimantan Barat (Aju, 2017).

Faktor pencetus berlaku apabila berlaku pembunuhan guru dan Tokoh Adat Dayak dengan kejam. Insiden pembunuhan ini menjadi kian meruncing apabila khabar angin bertiup kencang mengatakan pembunuhan ini dilakukan dengan sengaja dan didalangi oleh PGRS/PARAKU yang rata-ratanya dianggotai oleh etnik Cina. Puncak kemarahan rakyat bukan Cina berlaku setelah Kodam XII/Tanjungpura selaku Penguasa Pelaksana Perang Daerah (Peperalda) Kalimantan Barat, menggunakan nama Johanes Chrisostomus Oevaang Oeray, tokoh suku Dayak dan Gabenor Kalimantan Barat, 1960-1966 dibunuh. Tindakan ini kemudiannya disebar oleh Radio Republik Indonesia (RRI) wilayah Pontianak pada awal September 1967 yang mengisytiharkan perang terhadap PGRS/PARAKU. Rusuhan dan peperangan yang berlaku telah menyebabkan lebih kurang tiga ribu etnik Cina terbunuh sepanjang rusuhan berlangsung manakala lima ribu orang lagi meninggal dunia ekoran kekurangan bekalan tenaga perubatan dan ubat-ubatan (Aju, 2017). Hal ini memprojeksikan bahawa perjuangan ini terpaksa mengorbankan ramai jiwa demi mewujudkan kestabilan politik dan pembangunan sosioekonomi di kedua-dua kawasan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kerjasama Sarawak dan Kalimantan dalam memerangi komunis pada tahun 1963-1974 telah berjaya melumpuhkan pergerakan komunis dan cita-cita mereka menubuhkan negara komunis di Wilayah Borneo. Walaupun usaha pembanterasannya yang dilakukan oleh tentera Suharto memakan ribuan jiwa, namun misi ini bukanlah mudah untuk dijadikan kenyataan. Dengan kata lain, penganas komunis akan menggunakan pelbagai alternatif untuk menghidupkan semua ideologi ini walaupun berjaya dipadamkan oleh pemerintah buat jangka masa tertentu. Hal yang sama turut berlaku di Sarawak apabila pasukan keselamatan terpaksa menggadai nyawa mereka sendiri demi mengembalikan keamanan sekali gus melancarkan pembangunan sosioekonomi Sarawak. Komunis yang akhirnya akur dan tunduk dengan kehendak rakyat dan pemerintah telah menemui noktahnya apabila PKI diharamkan di Indonesia manakala Perjanjian Sri Aman di Sarawak ditandatangani pada tahun 1974 dengan menyaksikan Parti Rakyat Kalimantan Utara yang diketuai Bong Kee Chok telah bersetuju meletakkan senjata. Sehubungan dengan itu, pemahaman generasi muda berhubung sejarah memerangi komunis ini hendaklah sentiasa diperkaya melalui paparan fakta-fakta sejarah dalam memastikan generasi sekarang mahupun akan datang akan berfikir dan bertindak lebih rasional demi mengelakkan episod pahit ini tidak akan berulang lagi.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Universiti Malaya di atas sokongan terhadap penyelidikan Sub-Program Delta Sungai Sarawak Menurut Pandangan Penduduk Sarawak (RP001A-13HNE di bawah kluster Humanities and Ethics (HNE) bertajuk 'Kerjasama Sarawak dan Kalimantan Dalam Menghadapi Ancaman Komunis, 1963-1974' serta orang perseorangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Aju. (2017). *Tionghoa: Dalam Kekerasan Politik di Kalimantan Barat Tahun 1967*. Pontianak: Derwati Press.
- Alli Kawi. (2009). *It Has Been Worth The Pain*. Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn Bhd.
- Alli Kawi. (2010). *Ming Court Crisis: A Close and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Berita Harian*. (1963, 15 Oktober).
- Berita Harian*. (1964, 10 Januari).
- Berita Harian*. (1966, 29 Jun).
- Berita Harian*. (1969a, 5 Oktober).
- Berita Harian*. (1969b, 10 November).
- Berita Harian*. (1969c, 19 November).
- Berita Harian*. (1971, 19 November).
- Berita Harian*. (1972, 13 Februari).
- Berita Harian*. (1973a, 18 Januari).
- Berita Harian*. (1973b, 19 Jun).
- Berita Harian*. (1975, 15 Oktober).
- Berita Harian*. (1976, 16 September).
- Dewan Masyarakat*. (1977, 15 April). XV(2).
- Dewan Siswa*. (2012, April).
- Hiew Lan Foon. (2003) *Pembangunan Bandar Sri Aman Dari Tahun 1980-2000 Serta Pandangan Penduduk Terhadap Bandar Sri Aman*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Malaysia.
- Ho Hui Ling. (2017). Penglibatan Orang Cina Dalam Gerakan Komunis di Sarawak, 1924-1974. *Journal of the Department of History*, 23(1), 73-97.
- Machrus Affendy. (1995). *Penghancuran PGRS, PARAKU dan PKI di Kalimantan Barat*. Jakarta: P.T. Dian Kemilau.

- Mohd. Noor Abdullah. (1979). *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke Dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Reduan Haji Asli. (1993). *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Effendi Mustaffa. (1996). *Prospek Peranan ABRI Dalam Politik Indonesia*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Kelima, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 1 (23 Oktober 1978).
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Parlimen Pertama, Jil. 1, Bil. 70 (29 Jun 1979).
- Sity Daud. (2005). *Memikir Semula Persoalan Politik dan Keselamatan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhaimi Mokhtar. (1981). *Putera Kenyalang: Satu Dekad Penuh Cabaran*. Petaling Jaya: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Teddy Agus, & Rahmat Hidayat. (2015, 1 Mac). Kisah TNI Kesulitan Lawan Sumpit Dan Panah Warga Serawak. Merdeka.com. Diperoleh pada 16 Disember 2019 daripada Laman Sesawang Dunia:
<https://www.merdeka.com/peristiwa/kisah-tni-kesulitan-lawan-sumpit-dan-panah-warga-serawak.html>
- The Economic Bulletin*. (tiada tarikh)
- The Straits Times*. (1973, 3 Mei).
- The Straits Times*. (1974, 9 November).
- Tunku Abdul Rahman Putra. (tiada tarikh). *Sudut Pandangan Tunku Abdul Rahman Putra (Perdana Menteri Malaysia Pertama)*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Date Received: 29 December 2018

Date of acceptance: 15 November 2019